

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL.1/2003**

#### **DASAR BERHUBUNG DENGAN TAPAK STESEN MINYAK YANG TAMAT TEMPOH PAJAKAN**

---

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang bagi kali 24/2002 pada 20hb. November 2002 telah menimbang Kertas Bil 24/1424/2002 dan membuat keputusan terhadap dasar pemilikan tanah tapak stesen minyak yang tamat tempoh pajakan.

2. Dasar Kerajaan Negeri berhubung dengan tanah-tanah tapak stesen minyak yang telah tamat tempoh pajakan adalah sebagaimana berikut :-
  - i. Tanah-tanah Kerajaan yang diberi pajakan kepada syarikat-syarikat minyak yang telah tamat tempoh pajakan hendaklah diperakukan untuk diberi milik kepada Perbadanan Menteri Besar apabila Perbadanan itu membuat permohonan mengikut Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966. Permohonan milik selain daripada Perbadanan Menteri Besar hendaklah ditolak.
  - ii. Bagi tapak-tapak stesen minyak yang asalnya dimiliki oleh tuan-tuan tanah dan telah tamat tempoh pajakan hendaklah diperakukan untuk diberi milik semula kepada tuan tanah yang berkenaan.

3. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan Pentadbir-Pentadbir tanah diminta melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan sebagaimana yang tersebut di atas.

.....  
**(Abdul Halim Bin Hj.Ahmad)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.

**KEPADA:**

Yang Amat Bahagia/Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YBM. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha ( Perumahan ) Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.  
FAIL: PTG. KN.6080  
BERTARIKH : 11 OGOS 2003**